

HARI : KHAMIS
TARIKH : 8/8/2019
M/SURAT : 24A

Sita 4,320 cermin mata, bekas cermin mata tiruan

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur menyita 4,320 unit cermin mata dan bekas cermin tiruan jenama Ray-Ban bernilai RM90,783 hasil pemeriksaan di tiga premis di Wangsa Maju dan Lorong Haji Taib di sini, bermula jam 2.30 petang kelmarin. Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri, Azeem Nazuri berkata, pihaknya turut menahan tiga individu termasuk seorang wanita berusia 20 hingga 50 tahun bagi membantu siasatan.





189 cermin mata tiruan berjenama dirampas

ANGGOTA pengawal kuasa KPDNHEP memeriksa kedai cermin mata di sekitar bandar raya Ipoh.

Ketua Pegawai Pengawal Kuasanya, Khalid Tik berkata, operasi bermula jam 10 pagi disertai 21 anggota KPDNHEP Perak bersama-sama lima wakil cap dagang itu memeriksa beberapa premis menjual cermin mata bagi mengesan penjualan barang tiruan.

"KPDNHEP menyita 189 cermin mata tiruan berjenama terkenal dan semua barang sitaan itu disimpan di stor KPDNHEP Perak untuk siasatan lanjut.

Siasatan kes itu dijalankan

"Nilai rampasan keseluruhan bagi serbuan terbabit dianggarkan RM46,031 manakala pemilik semua premis itu diambil keterangan sebelum dibebaskan," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, KPDNHEP

mengikut Seksyen 8 (2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 yang mana jika sabit kesalan boleh didenda maksimum RM10,000 bagi setiap barang atau dipenjara maksimum tiga tahun.

memandang serius kesalan dilakukan peniaga yang menggunakan perihal dagangan palsu ke atas barang berjenama sekali gus melanggar undang-undang mengikut Akta Perihal Dagangan 2011.